



DR. ANIS YUSAF YUSOFF

Penyelia, Unit Kerja Pesisir dan Ekowisata Bersejarah  
 Kementerian Kelautan dan Perikanan

## INTEGRITI TERABAI ALAM SEKITAR TERCEMAR

“KITA sebenarnya bukan mewarisi bumi ini daripada datuk nenek kita, tetapi kita meminjamnya daripada anak cucu kita”. Demikianlah peribahasa lama kaum Red Indian di Amerika Utara yang mempunyai kebijaksanaan yang cukup mendalam.

Oleh itu, penting untuk kita menjaga bumi ini agar apabila tiba masanya untuk diserahkan kembali kepada anak cucu, bumi ini haruslah seperti bumi indah yang pernah didiami sebelum ini.


**Y**ang paling penting, sungai di bumi masih menjadi tempat pembiakan ikan dan anak cucu bebas bermandi-mandi di dalam air sungai yang bersih dan jernih, seperti zaman kita muda dahulu. Hutannya pula dipenuhi oleh fauna dan pokok hutan tropika yang cukup sebagai tempat tadahan air. Pantai dan lautnya juga terus terpelihara.

Malangnya, dalam masa yang singkat, dari zaman remaja hingga kini sudah berusia dalam lingkungan 50-an, kita dapat membuat perbandingan dan melihat bahawa alam sekeliling sudah jauh tercemar. Sebagai contohnya, keadaan sungai di negara ini berada pada tahap yang membimbangkan. Kira-kira 50 tahun yang lalu, kebanyakan

sungai dikategorikan berada pada kelas satu, iaitu airnya boleh terus diminum tanpa rawatan. Berbanding dengan masa ini, berapakah jumlah sungai yang mampu mencapai tahap satu? Sebaliknya, keadaan sungai hampir mati dan tercemar teruk.

Sungai antara elemen yang sangat penting dalam alam sekitar. Dari segi sejarah, sungai merupakan jalan pengangkutan yang menghubungkan negeri ke negeri di negara ini. Sungai berfungsi sebagai sumber air untuk kegunaan domestik dan yang lebih penting, sebagai punca perairan untuk pertanian.

Sudah tentu alasan yang biasa didengar yang berkaitan dengan isu pencemaran ini ialah hal ini tidak dapat



**Alasan bahawa perkembangan bandar dan kegiatan perindustrian antara punca kualiti sungai mengalami kemerosotan yang disebabkan oleh hakisan tanah memang tidak dapat diterima. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia diberi kuasa dan akal yang seharusnya bertanggungjawab melakukan pembangunan tersebut.**

dilakkan kerana berlaku proses pembangunan dan perkembangan industri. Inilah alasan yang paling mudah diberikan oleh orang yang berfikir rendah, malah banyak kerosakan alam sekitar berlaku kerana sikap masyarakat yang hanya mementingkan diri sendiri.

Sikap dan amalan ini, sekiranya dibiarkan berterusan, akan memberikan implikasi yang akan memudaratkan bumi ini. Oleh itu, Institut Integriti Malaysia berusaha untuk membudayakan amalan integriti dengan mengadakan program integriti dan alam sekitar untuk mengingatkan masyarakat tentang tanggungjawab menjaga alam sekitar.

Alasan bahawa perkembangan bandar dan kegiatan perindustrian antara punca kualiti sungai mengalami kemerosotan yang disebabkan oleh hakisan tanah memang tidak dapat diterima. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia diberi kuasa dan akal yang seharusnya bertanggungjawab melakukan pembangunan tersebut. Sekiranya semua pihak yang terlibat lebih mengambil sikap untuk menjaga, memelihara, dan memulihara alam sekitar, maka sudah tentu kemudatan alam sekitar dapat dihindari.

Kebanyakan masalah alam sekitar pada masa ini berpunca daripada sikap buruk masyarakat. Sekiranya mereka bersikap acuh tidak acuh, membuang sampah sarap dan segala benda yang dibuang ke dalam sungai tanpa rasa bersalah, maka sudah tentu perbuatan ini merosakkan ekosistem persekitaran. Oleh itu, pendidikan melalui amalan tentang penjagaan alam sekitar tidak cukup dengan hanya iklan 3R, iaitu kitar semula (*recycle*), guna semula (*reuse*) dan pengurangan (*reduce*), yang harus diterjemahkan menjadi amalan harian.

Masyarakat perlu dikejutkan dengan tindakan tertentu, seperti yang dilakukan oleh Al Gore melalui filem dokumentari *An Inconvenient Truth*. Mungkin kejutan seperti itu akan menyedarkan sesetengah pihak. Mungkin ada pihak yang mempunyai kepakaran membuat filem dokumentari yang tampil menawan diri untuk menerbitkan filem dokumentari tentang kehancuran yang menanti Malaysia sekiranya kita membenarkan pemberi rasuah dan penerima rasuah bermaharajalela.

Sebagai contohnya, kesan rasuah yang teruk dapat dilihat di Zimbabwe. Sebagai akibat salah guna kuasa yang teruk, negara itu antara negara terakhir di benua Afrika yang mendapat kemerdekaan daripada Kerajaan British. Pada masa yang singkat, negara tersebut kini berada antara negara yang paling bermasalah di dunia.

Negara, seperti Somalia, iaitu negara Islam yang rata-rata rakyatnya hidup dalam kemiskinan, berada pada nombor corot dalam hampir semua indeks pertubuhan antarabangsa yang membuat perbandingan antara negara, sama ada indeks pembangunan manusia oleh United Nations Development

Programme (UNDP), indeks persepsi rasuah oleh Transparency International ataupun indeks keamanan dunia oleh Economic and Peace Institute. Kita tidak perlu pergi jauh. Dalam rumpun negara ASEAN, keadaan yang sama juga berlaku di Myanmar sekarang.

Semua masalah ini berpunca daripada sikap manusia, sama ada manusia itu pemimpin ataupun yang dipimpin. Ada yang dipimpin menjadi penyebab terhadap kelakuan buruk serta sikap pemimpin yang rakus dan tidak berintegriti menjadikan amalan korupsi dan salah guna kuasa sebagai norma yang baharu dan menindas rakyat yang diamanahkan kepada mereka untuk memimpin.

Apakah makna semua ini jika sikap tamak dan kerakusan mereka yang tidak bertanggungjawab ini diraikan oleh rakyat terbanyak? Mereka inilah yang dijadikan suri teladan oleh orang muda. Kehancuran negara ditolak tepi. Seseorang itu dipuja kerana memiliki kereta besar dan rumah mewah.

Berbalk kepada isu alam sekitar dengan memberikan tumpuan terhadap pencemaran sungai, didapati bahawa bukit bukau ditarah di merata tempat dan hutan ditebang untuk tujuan pembalakan haram. Begitu juga dengan pantai peranganin, tiupan angin sepoi-sepoi bahasa tidak seperti dahulu, sebaliknya sampah sarap yang menyumbat kedatangan pengunjung di pantai.

Lampin dengan najis bayi dibuang bersepah-sepah oleh ibu bapa yang langsung tidak menghormati pengunjung lain. Adakah agama kita mengajjar mereka berkelakuan sedemikian? Wahai pengkhianat bangsa dan negara yang menjadi makhluk perusak alam sekitar dengan amalan yang tidak berintegriti dan yang menjadi perasuah, apakah agama kamu?

Kelak apabila Tuhan kamu bertanya, apakah yang kamu lakukan sebagai khalifah di muka bumi ini? Jawablah bahawa kamu "memperkosakan" alam sekitar sesuka hati dengan nafsu serakah tanpa memikirkan generasi yang kamu tinggalkan pada kemudian hari. Ketawallah sekuat-kuatnya dalam perjalanan kamu menuju ke neraka kerana manusia seperti kamu hanya layak untuk dihantar ke situ. Kamu hidup dengan kemewahan, tetapi itu bukan milikmu.

Kembalilah ke pangkal jalan dan Malaysia akan kembali menjadi negara yang makmur dengan alam sekitar yang terpelihara serta bakal pewaris negara ini akan dapat memiliki bumi ini tanpa pencemaran seperti dahulu. 